

16/09/1998

Tindakan tetap dikenakan: Rahim

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap akan dikenakan tuduhan kerana mengadakan perhimpunan awam tanpa permit, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor malam ini.

Beliau berkata, tindakan Anwar itu menyalahi Akta Polis dan langkah-langkah akan diambil, bergantung kepada keadaan.

"Jika tidak ada permit, dia (Anwar) tidak boleh (mengadakan perhimpunan)... sebagai bekas anggota Kabinet beliau patut tahu undang-undang yang ada," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan acara renang Sukan Komanwel di Stadium Akuatik, Bukit Jalil, di sini.

Rahim turut mengesahkan polis semalam menahan Dr Munawar A Anees, bekas pengarang sebuah jurnal terbitan Berita Publishing Sdn Bhd, anak syarikat The New Straits Times (M) Berhad, mengikut Seksyen 73 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Menurutnya, Dr Munawar ialah warganegara Pakistan dengan taraf penduduk tetap Malaysia dan Amerika Syarikat. Dia ditahan berhubung penyiasatan keseluruhan membabitkan soal keselamatan negara.

Alamat terakhir Dr Munawar di Malaysia ialah Damansara Heights, manakala alamat di Amerika Syarikat ialah di Tuscon, Arizona.

Beliau bekerja dengan Berita Publishing selama beberapa tahun sehingga 1995, sebagai editor Periodica Islamica, jurnal yang menyenaraikan penerbitan mengenai Islam di seluruh dunia.

Dalam ceramahnya malam tadi, Anwar berkata, Dr Munawar yang disifatkannya sebagai kawan, ditahan mengikut ISA.

Rahim juga mengesahkan, polis menahan reman bekas setiausaha sulit Anwar di Kementerian Kewangan, Mohamad Ahmad, mengikut Seksyen 117 bagi membantu siasatan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM.

"Kedua-duanya ditahan semalam di Lembah Klang," kata Rahim.

Ditanya sama ada Anwar akan ditahan berhubung dakwaan yang dibuat terhadapnya, Rahim berkata: "Bersabarlah ...".

Menurutnya, polis telah memanggil bekas setiausaha sulit Anwar, Mohamed Azmin Ali untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan berhubung buku berkenaan.

"Dia (Azmin) telah dipanggil tetapi enggan tampil dan kita akan dapatkan perintah mahkamah sama ada esok atau lusa meminta dia hadir," katanya.

Rahim berkata, mengikut undang-undang, jika seseorang itu dipanggil polis untuk memberi keterangan tetapi enggan berbuat demikian, polis boleh meminta mahkamah mengeluarkan perintah supaya dia hadir.

Ketika ditanya mengenai hasil siasatan buku itu, Rahim berkata, beberapa tangkapan lagi akan dibuat dalam beberapa hari akan datang.

Rahim berkata, polis tetap akan mengambil tindakan menahan mereka yang berkenaan walaupun mereka berlindung di kediaman Anwar kerana rumah Anwar bukannya kawasan bebas dan tidak terkecuali daripada proses undang-undang di negara ini.

Mengenai enam laporan polis yang dibuat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, polis sedang menjalankan siasatan.

(END)